

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI harap dua agensinya dapat sertai NAM S&T Industry Networks	BERNAMA
2.	MOSTI hopes its two agencies can join NAM S&T Industry Networks	BERNAMA
3.	MOSTI hopes its two agencies can join NAM S&T Industry Networks	The Sun Daily
4.	MOSTI jangka 170 audit teknologi tahun ini	Sinar Harian
5.	SIRIM tumpu sumber tenaga baharu	Berita Harian
6.	Malaysia diramal bebas El Nino, La Nina	Berita Harian
7.	Tiada fenomena El Nino dan La Nina	Utusan Malaysia
8.	MDV akan biaya lebih 300 syarikat menerusi dana ketiga RM1 Bilion	BERNAMA
9.	Dana ketiga MDV bernilai RM1 bilion sasar kepada 300 syarikat	Utusan Malaysia
10.	MDV sasar biaya lebih 300 syarikat	Berita Harian
11.	MDV to finance ops more than 300 firms	New Straits Times
12.	MDV to finance more than 300 firms over next 20 years	The Star



Mosti Harap Dua Agensinya Dapat Sertai NAM S&T Industry Networks

Tarikh kemaskini: 05/09/2017

PUTRAJAYA, 5 Sept (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** berharap dua agensinya - Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Akademi Sains Malaysia (ASM) - diterima menganggotai Jaringan Industri Sains dan Teknologi Negara-negara Berkecuali dan Negara-negara Membangun Lain (NAM S&T Industry Network).

Menterinya Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata Malaysia percaya dua agensi terbabit boleh menjadi nilai tambah kepada jaringan itu selain membuka peluang kerjasama pada masa depan.

"Malaysia telah mewujudkan beberapa platform bagi memudahkan inisiatif meningkatkan kerjasama dalam sains, teknologi dan inovasi termasuk Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta yang menghubungkan universiti tempatan dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta program SIRIM Fraunhofer yang menumpukan kepada PKS dalam sektor pembuatan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada perasmian Mesyuarat Majlis Pentadbir NAM S&T dan Forum mengenai Perubahan Iklim: Impak dan Respons, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Madius berkata mekanisme serupa boleh diaplikasikan untuk negara anggota NAM S&T membangunkan platform yang memupuk ekosistem bagi berkongsi maklumat, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran.

NAM S&T Industry Network diwujudkan oleh NAM S&T Centre bagi menggalakkan dan menyediakan peluang kepada agensi saintifik, institusi akademik dan penyelidikan serta pusat-pusat kecemerlangan dan industri di negara membangun mengambil bahagian dalam kegiatan saintifik pusat itu.

NAM S&T Centre merupakan badan antara kerajaan yang dianggotai 48 negara NAM dan negara membangun lain dengan mandat menggalakkan kerjasama antara saintis dan pakar teknologi serta pertubuhan-pertubuhan saintifik dan teknologi dalam kalangan negara anggota.

Malaysia menganggotai pusat itu pada 1994 dan memainkan peranan aktif dengan menganjurkan pelbagai aktiviti seperti bengkel dan latihan bersama pusat berkenaan.

-- BERNAMA



Mosti Hopes Its Two Agencies Can Join NAM S&T Industry Networks

Last update: 05/09/2017

PUTRAJAYA, Sept 5 (Bernama) -- Malaysia's **Science, Technology and Innovation Ministry** hopes two of its agencies - Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia (Sirim) and Academy of Sciences Malaysia (ASM) - will be welcomed to the Science and Technology of the Non-Aligned and Other Developing Countries Industry Networks (NAM S&T Industry Networks).

Its minister, **Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** said the NAM S&T Centre had taken the initiative to set up the NAM S&T Industry Networks to encourage and provide opportunities to individual scientific agencies, academic and research institutions, centres of excellence and industries in developing countries to participate in the scientific activities of the centre.

"Malaysia believes the two agencies can be of value added to the network and will also open up the possibility of future collaboration programmes," he said at the opening of the 14th Governing Council of NAM S&T Meeting and Forum on Climate Change: Impact and Responses, here, today.

Madius said Malaysia had formed a few platform to facilitate the initiative to enhance collaboration in science, technology and innovation which included the Public Private Research Network that bridged local universities and small and medium enterprises (SME) and the SIRIM Fraunhofer programme focusing on SMEs in the manufacturing sector.

"The same mechanism could be applied for NAM S&T member countries to build up a platform that could nurture the right ecosystem for sharing information, knowledge, experience and expertise," he added.

The NAM S&T Centre is an inter-governmental organisation consisting of 48 non-aligned and other developing countries. The centre is mandated to promote the fullest possible and mutually beneficial technological collaboration among the member countries' scientists and technologists and scientific organisations.

Malaysia joined the centre in 1994 and has played an active role by jointly organising activities with the centre such as workshops and training courses.

On the issue of climate change, Madius said Malaysia believed that international collaboration and cooperation was one of the best ways to achieve a better understanding on climate change and how people use science and technology to mitigate and respond to this issue.

-- BERNAMA



Mosti hopes its two agencies can join NAM S&T industry networks

Posted on 5 September 2017 - 03:56pm

Last updated on 5 September 2017 - 05:31pm

SHARE     



Malaysian Minister of Science, Technology and Innovation Madius Tangau. — BERNAMA

PUTRAJAYA: Malaysia's Science, Technology and Innovation Ministry hopes two of its agencies – Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia (Sirim) and Academy of Sciences Malaysia (ASM) – will be welcomed to the Science and Technology of the Non-Aligned and Other Developing Countries Industry Networks (NAM S&T Industry Networks).

Its minister, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said the NAM S&T Centre had taken the initiative to set up the NAM S&T Industry Networks to encourage and provide opportunities to individual scientific agencies, academic and research institutions, centres of excellence and industries in developing countries to participate in the scientific activities of the centre.

"Malaysia believes the two agencies can be of value added to the network and will also open up the possibility of future collaboration programmes," he said at the opening of the 14th Governing Council of NAM S&T Meeting and Forum on Climate Change: Impact and Responses, here, today.

Madius said Malaysia had formed a few platform to facilitate the initiative to enhance collaboration in science, technology and innovation which included the Public Private Research Network that bridged local universities and small and medium enterprises (SME) and the SIRIM Fraunhofer programme focusing on SMEs in the manufacturing sector.

"The same mechanism could be applied for NAM S&T member countries to build up a platform that could nurture the right ecosystem for sharing information, knowledge, experience and expertise," he added.

The NAM S&T Centre is an inter-governmental organisation consisting of 48 non-aligned and other developing countries. The centre is mandated to promote the fullest possible and mutually beneficial technological collaboration among the member countries' scientists and technologists and scientific organisations.

Malaysia joined the centre in 1994 and has played an active role by jointly organising activities with the centre such as workshops and training courses.

On the issue of climate change, Madius said Malaysia believed that international collaboration and cooperation was one of the best ways to achieve a better understanding on climate change and how people use science and technology to mitigate and respond to this issue. — BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH : 6 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Mosti jangka 170 audit teknologi tahun ini



Wilfred (dua, kiri) tekun melihat demonstrasi dilakukan peserta ketika melawat reruai di MIFB 2017, PWTC, baru-baru ini.

KUALALUMPUR - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) mengumumkan sebanyak 320 Audit Teknologi dilaksanakan melalui program Sirim-Fraunhofer pada tahun 2015 dan 2016.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, bagaimanapun kementerian menjangkakan sebanyak 170 audit teknologi bakal dilaksanakan pula pada tahun ini.

"Kerjasama Sirim-Fraunhofer melalui perkongsian strategik melancarkan model inovasi perindustrian Sirim yang menerapkan prinsip model Fraunhofer dari Jerman berkenaan penyelidikan gunaana bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Syarikat yang menyertai program audit ini terdiri daripada pelbagai sektor industri seperti kejuruteraan, pemesinan dan elektronik. Bagaimanapun sektor makanan dan minuman mendominasi keseluruhan audit teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan seminar sehari sempena Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia ke-18 (MIFB 2017) di PWTC, di sini, baru-baru ini.

Pada masa sama, menurutnya, hasil daripada program audit itu juga menunjukkan perlunya intervensi teknologi bagi syarikat untuk meningkatkan produktiviti.

"Lebih 45 projek diluluskan untuk program peningkatan teknologi termasuk 36 projek yang dikenal pasti untuk program

Lebih 45 projek diluluskan untuk program peningkatan teknologi termasuk 36 projek yang dikenal pasti untuk program pemupukan."

- Wilfred Madius

pemupukan.

"Inovasi pertama yang dibangunkan Sirim adalah inovasi jaringan *food 4 future* yang dilancarkan pada tahun lalu yang kini mempunyai 12 ahli dari PKS," katanya.

Wilfred berkata, jaringan itu melibatkan penganjuran bengkel radar teknologi pasaran dalam pemprosesan makanan dan senario semasa termasuk lawatan belajar bagi amalan industri baik dan melaksanakan tinjauan industri PKS.

"Melalui Inovasi jaringan ini, dua projek demonstrasi yang melibatkan pembangunan Loji Termal Solar Skala Perindustrian yang menghasilkan air panas untuk proses perindustrian dilaksanakan Sirim," katanya.

Dalam pada itu, lima ahli jaringan Inovasi *food 4 future* mengambil bahagian di bawah Pavilion Sirim di MIFB 2017 adalah Solo Labeller Technology Sdn Bhd, Halagel Products Sdn Bhd, Algaetech International Sdn Bhd, Ever Delicious Food Industries Sdn Bhd dan Muslim Kitchen Sdn Bhd.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 6 SEPTEMBER 2017 (RABU)

→ ISU

Ismail (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Tapak Rintis Premis Makanan Hijau dan Sistem AD sambil diperhatikan Dr Mohamad Jamil (kanan) dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Murad Husin di Melaka Mall, Ayer Keroh, semalam.



[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]



Semua premis ini akan dibekalkan dengan bekas pembungkusan makanan GB, selain ditempatkan sistem AD sebagai sistem pengolahan sisa makanan untuk menghasilkan sama ada elektrik biogas dan biobaja

Dr Mohamad Jamil Sulaiman,
Naib Presiden (Penyelidikan Perindustrian) SIRIM

SIRIM tumpu sumber tenaga baharu

→ Pengenalan industri GB, AD berupaya jana menerusi penghasilan sumber elektrik, biogas, biobaja

Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@bh.com.my

► Ayer Keroh

Pengenalan Industri Pembungkusan Green-Blue (GB) dan Sistem Pencernaan Anaerobik (AD) berupaya menjana tenaga alternatif pada masa depan menerusi penghasilan sumber elektrik, biogas dan biobaja.

Naib Presiden (Penyelidikan Perindustrian) Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malay-

sia (SIRIM), Dr Mohamad Jamil Sulaiman, berkata kaedah terbaru itu menggabungkan konsep biodegradasi dan pembaikpulihan sumber bagi menyokong kelestarian alam sekitar dan perniagaan, khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana.

"Sebagai langkah permulaan, empat premis hijau dipilih iaitu di Medan Selera Awam USJ7, Subang Jaya; Medan Ikan Bakar Kampung Gelam, Port Dickson; Medan Selera Dengkil dan Medan Selera Kompleks Melaka Mall, Melaka.

Olah sisa makanan

"Semua premis ini akan dibekalkan dengan bekas pembungkusan makanan GB, selain ditempatkan sistem AD sebagai sistem pengolahan sisa makanan untuk menghasilkan sama ada elektrik biogas dan biobaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Tapak Rintis Premis Makanan Hijau dan Sistem AD yang dirasmikan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman di Kompleks Melaka Mall, di

sini, semalam.

Mengenai pembangunan sistem AD di Melaka Mall, Mohamad Jamil berkata, kira-kira 500 kilogram (kg) kapasiti sisa makanan yang ditempatkan boleh diolah menjadi tenaga biogas yang diperbaharui untuk kegunaan seramai 20 peniaga medan selera.

"Pada masa sama, pembaik pulih sumber ini juga mampu menghasilkan 20 peratus atau 100 kg biobaja yang boleh dimanfaatkan oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ISU) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 6 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Malaysia diramal bebas El Nino, La Nina

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



Wan Junaidi sebelum mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bilangan Dua 2017, di Putrajaya, semalam.

Putrajaya: Malaysia diramal tidak menerima kesan fenomena El Nino dan La Nina tahun ini berikutan bacaan suhu permukaan lautan Pasifik dicatatkan berada pada julat normal.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata berdasarkan laporan **Jabatan Meteorologi Malaysia** untuk tempoh enam bulan akan datang, tiada tanda El Nino (cuaca panas, kering dan kekurangan jumlah taburan hujan) atau La Nina (hujan lebat luar biasa) akan melanda negara pada tahun ini.

Katanya, ramalan itu berdasarkan kaedah saintifik keranan fenomena El Nino dan La Nina bergantung kepada suhu permukaan di lautan Pasifik.

Beliau berkata, ketika ini bacaan suhu dalam julat normal iaitu -0.5 hingga 0.5, dan dijangka untuk

tempoh enam bulan ke hadapan masih dalam julat normal.

Tiada jerebu

"Berikutan itu, tiada suhu panas luar biasa dan kemarau dijangka berlaku, selain negara dijangka menerima jumlah hujan yang normal dan tiada jerebu teruk," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bilangan Dua 2017, di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, monsun barat daya yang membawa cuaca panas dijangka berakhir hujung bulan ini dan fasa peralihan monsun dijangka akan berlaku pada Oktober ini manakala monsun timur laut yang membawa hujan dijangka akan bermula pada pertengahan November ini.

Jika banjir berlaku, katanya, ia mungkin disebabkan pertembungan antara hujan lebat dan air pasang tinggi di laut.

"Jadi, kita jangka tidak akan berlaku hujan keterlaluan seperti pada 2014 yang menyebabkan banjir besar di pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang," katanya.

Wan Junaidi menjelaskan, walaupun keadaan cuaca diramal baik, kerajaan sentiasa bersedia menghadapi keadaan cuaca panas dan kering dengan mempertingkatkan usaha mencegah kegiatan pembakaran terbuka.

Selain itu, kata beliau, Jabatan Pengairan dan Saliran diarah membuat kajian terperinci berhubung sistem pembetung di bandar berikutan berlakunya banjir kilat di beberapa kawasan dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

Tiada fenomena El Nino dan La Nina

PUTRAJAYA 5 Sept. - Malaysia dijangka tidak dilanda fenomena El Nino dan La Nina yang masing-masing membawa hujan dan kepanasan melampau pada tahun ini ekoran keadaan suhu normal di Lautan Pasifik.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** juga menjangka tidak suhu panas luar biasa dan kemarau berlaku pada tahun ini.

Beliau berkata, mengikut indikasi cuaca, corak angin serta tindakan yang dirangka dalam memadam kebakaran hutan, Malaysia juga dijamin bebas daripada dilanda masalah jerebu rentas sempadan.

"MetMalaysia melaporkan tiada perkara (cuaca) *abnormal* akan berlaku pada tahun ini seperti mana yang berlaku pada 2014 dan 2015 yang dilihat antara pendorong berlakunya jerebu dan banjir di beberapa lokasi di negara ini.

"Ramalan yang dibuat oleh MetMalaysia kebiasaannya tepat

seperti yang berlaku tahun lalu. Walaupun keadaan cuaca dilaporkan baik, kerajaan sentiasa bersedia menghadapi sebarang situasi luar jangka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan di sini hari ini.

Menurut Wan Junaidi, jangkaan MetMalaysia itu dikuatkan lagi dengan situasi semasa yang mana Monsun Barat Daya dijangka berakhir hujung bulan ini dan fasa peralihan monsun dijangka berlaku pada Oktober depan.

Mengulas mengenai jerebu, Wan Junaidi berkata, walaupun negara dijangka tidak berdepan masalah itu pada tahun ini, namun kerajaan telah mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga akan mengambil tindakan drastik menghalang masyarakat



WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR

melakukan pembakaran terbuka kerana tindakan itu boleh menyebabkan situasi jerebu berkelompok.

"Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) turut membina 67 telaga tiub di kawasan kering yang berisiko terbakar, selain pembinaan *check dam* atau sekatan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menghalang kebakaran di tanah gambut," katanya.

Sementara itu katanya, penguatkuasaan semasa musim panas dan kering juga akan ditingkatkan ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu pelepasan asap daripada kenderaan bermotor dan habuk oleh premis-premis industri.

Dalam pada itu katanya, keyakinan Malaysia bebas jerebu juga berdasarkan tindakan efisien pihak berkuasa Indonesia dalam menghadapi cabaran itu, antaranya menambah keupayaan dalam operasi memadam kebakaran.



MDV Akan Biaya Lebih 300 Syarikat Menerusi Dana Ketiga RM1 Bilion

Tarikh kemaskini: 05/09/2017

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- **Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV)** menasar untuk membiayai operasi lebih 300 syarikat dalam tempoh 20 tahun akan datang melalui pengeluaran berpotensi berjumlah RM4 bilion, dikumpul daripada dana ketiganya bernilai RM1 bilion yang baru dilancarkan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya berkata dana itu, yang akan dikumpulkan melalui Nota Jangka Sederhana Islam (iMTN), dijangka membiayai antara 400 dan 500 projek, kebanyakannya dalam Industri 4.0.

"Buat masa ini, kami akan menumpukan (pengeluaran pembiayaan) kepada teknologi baharu, iaitu antaranya kepintaran buatan, realiti maya, realiti berperantara dan percetakan 4D.

"Kami juga berusaha untuk membiayai syarikat permulaan yang mempunyai idea dan rancangan perniagaan yang baik," katanya kepada pemberita selepas pelancaran dana itu oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani di sini, hari ini.

Md Zubir berkata, bagi dana ketiga itu, MDV telah mengenal pasti 15 syarikat, yang mempunyai projek dalam tangan bernilai kira-kira RM100 juta, terdiri daripada percetakan 3D, robotik, e-dagang dan lain-lain, yang akan menerima pembayaran dalam tempoh enam bulan akan datang.

Sementara itu, ketika berucap, Johari berkata, dana baharu tersebut menunjukkan sokongan dan keyakinan berterusan kerajaan terhadap pendekatan MDV dalam menguruskan kedua-dua dananya, iaitu RM1.6 bilion sumber dari Japanese Bank of International Cooperation pada 2002, dan terbitan iMTN bernilai RM1.5 bilion pada 2008.

"Memandangkan projek berasaskan teknologi dianggap berisiko tinggi maka mod pembiayaan lama adalah sukar diperolehi. Bagaimanapun, kerajaan yakin projek seumpama itu mempunyai masa depan yang cerah dan membawa potensi yang amat besar untuk menyumbang kepada ekonomi.

"Inilah faktor yang tepat mengapa kerajaan yakin pembiayaan alternatif ini perlu disediakan untuk syarikat tersebut dalam memastikan mereka mampu membangun dan berkembang sehingga potensi terbesar masing-masing," katanya.

Johari berkata, dengan pelancaran dana ketiga itu, MDV akan berupaya meneruskan

peranannya dalam membiayai sektor teknologi dan memastikan syarikat-syarikat berkenaan sentiasa mempunyai pembiayaan segera untuk memenuhi mandat mereka dalam menyokong agenda teknologi Malaysia.

Sejak ditubuhkan pada 2002, MDV telah mengeluarkan pembiayaan lebih RM11 bilion kepada lebih 680 syarikat teknologi, membolehkan mereka menyempurnakan dan menyerahkan kira-kira 773 projek dalam pelbagai bidang teknologi.

Perusahaan kecil dan sederhana merupakan 82 peratus daripada syarikat yang menerima pembiayaan. Daripada jumlah itu 68 peratus adalah syarikat bumiputera.

-- BERNAMA

Dana ketiga MDV bernilai RM1 bilion sasar kepada 300 syarikat

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV) menyasar untuk menyalurkan pinjaman kepada 300 syarikat menerusi dana ketiga yang bernilai RM1 bilion dengan potensi pembiayaan sehingga RM4 bilion.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Md. Zubir Ansori Yahaya berkata, dana terbaharu yang diraih melalui Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) akan digunakan untuk membiayai kira-kira 500 projek berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Katanya, MDV sebelum ini menguruskan dana bernilai RM1.6 bilion diperolehi daripada Japan Bank For International Cooperation (JBIC) pada 2002 dan terbitan RM1.5 bilion menerusi IMTN pada 2008.

Kali ini jelas beliau, MDV akan memberi tumpuan pembiayaan bagi teknologi baharu termasuk kecerdasan buatan, realiti maya dan pencetakan empat dimensi (4D).

"Bagi dana ketiga, MDV sudah mengenal pasti kira-kira 15 syarikat, dengan projek bernilai kira-kira RM100 juta meliputi segmen pencetakan tiga dimensi (3D), robotik, e-dagang dan lain-lain.

"Pembiayaan RM100 juta ini dijangka diagihkan dalam tempoh enam bulan akan datang,"



JOHARI ABDUL GHANI melakukan pelancaran dana ketiga MDV sambil diperhatikan oleh Zarinah Anwar (kiri) dan Md. Zubir Ansori Yahaya (kanan) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID

katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran dana ketiga baharu di sini hari ini.

Majlis itu telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani dan Pengerusi MDV, Tan Sri Zarinah Anwar.

Dengan pelancaran dana ketiga, MDV akan berupaya meneruskan peranannya dalam sektor teknologi dan memastikan syarikat-syarikat berkenaan sentiasa mempunyai pembiayaan segera untuk memenuhi mandat mere-

ka dalam menyokong agenda teknologi Malaysia.

Sejak ditubuhkan pada 2002, MDV telah mengeluarkan pembiayaan lebih RM11 bilion kepada lebih 680 syarikat teknologi meliputi kira-kira 773 projek dalam pelbagai bidang teknologi.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan 82 peratus daripada syarikat yang menerima pembiayaan, daripada jumlah itu 68 peratus adalah syarikat bumiputera.

MDV sasar biaya lebih 300 syarikat

➔ Dana RM1b khusus untuk Industri 4.0

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), firma modal teroka teknologi, menyasar membiayai lebih 300 syarikat dengan potensi penyaluran sehingga RM4 bilion.

Ia bakal dijana menerusi manfaat terbitan modal untuk dana ketiganya bernilai RM1 bilion.

Dana terbaru itu disediakan melalui nota jangka sederhana Islam (IMTN) yang mana akan menyediakan platform untuk MDV mengenal pasti dan membiayai bidang teknologi baharu.

Pengarah Urusan yang juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif MDV, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya, berkata dana berkenaan dijangka dapat membiayai antara 400 hingga 500 projek yang kebanyakannya terdiri dalam Industri 4.0.

"Dana kali ini lebih memberi tumpuan kepada teknologi baharu, seperti percetakan 4D, realiti maya dan kepintaran buatan (artificial intelligence - AI).

"Kami berusaha untuk membiayai syarikat berpotensi yang mempunyai idea serta perancangan perniagaan yang baik," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Dana Ketiga MDV di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran disempurnakan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan turut dihadiri Pengerusi MDV, Tan Sri Zarinah Anwar.

Md Zubir berkata, dana berkenaan akan membantu syarikat baharu untuk meningkatkan opera-



Md Zubir Ansori Yahaya

si perniagaan, portfolio produk dan perkhidmatan mereka selain memberi lebih tarikan kepada pasaran.

"Bagi dana ini, 15 syarikat sudah dikenal pasti yang membabitkan projek bernilai kira-kira RM100 juta dalam tangan merangkumi pelbagai bidang termasuk percetakan 3D, robotik dan e-dagang yang akan menerima pembiayaan dalam tempoh enam bulan akan datang," katanya.

MDV sebelum ini turut menguruskannya dua dana, iaitu RM1.6 bilion yang diperolehi menerusi kerjasama

Japan Bank for International Cooperation (JBIC) pada 2002 dan kedua sebanyak RM1.5 bilion menerusi IMTN pada 2008.

Sementara itu, dalam ucapannya, Johari berkata, kebanyakan projek berasaskan teknologi dianggap berisiko tinggi dan pembiayaan menerusi saluran tradisional sukar untuk diperolehi.

"Bagaimanapun, kerajaan yakin projek seumpama itu mampu berkembang lebih jauh dan berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Justeru, kerajaan percaya pembiayaan alternatif perlu disediakan untuk syarikat berkenaan bagi memastikan mereka mampu membangun serta mengembangkan potensi mereka," katanya.

Katanya, MDV memainkan peranan penting, terutama dalam mengenal pasti serta membiayai syarikat berpotensi dan sumbangannya dihargai dalam usaha untuk terus menyokong agenda kerajaan dalam mempromosikan sektor teknologi.

Info

MDV

➔ MDV, anak syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan pada 2002.

➔ Sejak penubuhan, MDV sudah mengeluarkan lebih RM11 bilion pembiayaan kepada teknologi yang berjaya menyiapkan kira-kira 773 projek.

➔ Daripada 680 syarikat itu, 82 peratus daripadanya terdiri daripada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

FUND DISBURSEMENTS

MDV to finance ops of more than 300 firms

KUALA LUMPUR: Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) aims to finance the operations of more than 300 companies over the next 20 years via potential disbursements amounting to RM4 billion, raised through its newly-launched third fund of RM1 billion.

Managing director and chief executive officer Datuk Md Zubir Ansori Yahaya said the fund, to be raised via Islamic Medium-Term Notes, was expected to finance between 400-500 projects, mostly in the 4.0 Industry.

"This time around, we will focus (disbursements) on new technologies, namely the artificial intelligence, virtual reality, augmented reality and the 4D printing, among others.

"We are trying to fund the earlier stage companies with good ideas and business plans," he said after the launching of the fund by Second Finance Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani, here, yesterday.

For the third fund, Zubir said



Second Finance Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani (centre) launching MDV's third fund yesterday. With him are MDV chairman Tan Sri Zarinah Anwar (left) and managing director and CEO Datuk Md Zubir Ansori Yahaya. PIC BY MOHD YUSNI ARIFFIN

MDV had identified 15 companies, with RM100 million worth of projects in hand, ranging from 3D printing, robotics, e-commerce and others, that would receive disbursements in the next six months.

Johari said the new fund reflected the government's continued endorsement and confidence in the way MDV managed its funds, namely the RM1.6 billion

sourced from the Japanese Bank of International Cooperation in 2002 and the issuance of RM1.5 billion in iMTN in 2008.

Since its inception in 2002, MDV had disbursed more than RM11 billion in financing to more than 680 technology companies, enabling them to complete and deliver 773 projects in various technology areas.

MDV to finance more than 300 firms over next 20 years

KUALA LUMPUR: Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) aims to finance the operations of more than 300 companies over the next 20 years via potential disbursements amounting to RM4bil raised through its newly-launched third fund.

Managing director/chief executive officer Datuk Md Zubir Ansori Yahaya said the fund, to be raised via Islamic Medium-Term Notes (iMTN), was expected to finance between 400-500 projects, mostly in the 4.0 Industry.

"This time around, we will focus (disbursements) on new technologies, namely artificial intelligence, virtual reality, augmented reality and the 4D printing, among others.

"We are also trying to fund the earlier stage companies with good ideas and business plans," he told reporters after the launching of the fund by Second Finance Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani here yesterday.

For the third fund, Zubir said MDV had already identified 15 companies, with about RM100mil worth of projects in hand, ranging from 3D printing, robotics, e-commerce and others, that would receive disbursements over the next six months.

Meanwhile, Johari said the new fund reflected the government's continued endorsement and confidence in the way MDV managed both its funds, namely the RM1.6bil sourced from the Japanese Bank of International Cooperation in 2002 and the issuance of RM1.5bil in iMTN in 2008.

"As technology-based projects are deemed high risk, traditional modes of financing are hard to secure.

"However, the government believes that such projects hold great promise of success and carry an immense potential to contribute to the economy.

"This is precisely the reason why the gov-

ernment believes that alternative funding must be made available for these companies to ensure that they are able to develop and grow to their utmost potential," he said in his opening speech.

With the launch of the third fund, Johari said MDV would be able to continue its role in financing the technology sector and ensure that companies continue to have adequate funding to meet their mandate in supporting Malaysia's technology agenda.

Since its inception in 2002, MDV had disbursed more than RM11 billion in financing to more than 680 technology companies, enabling them to complete and deliver about 773 projects in various technology areas.

Small and medium enterprises accounted for 82% of companies that received financing and 68% of the total were Bumiputra companies. — Bernama